

MAHATHIR - KAMPUCHEA 2 '82

1982  
KUALA LUMPUR, 4 OKT. BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM SIKAP SEBUAH NEGARA ASIA YANG MASIH BERSIKAP BERKECUALI DAN TIDAK MENGIKTIRAF KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MEMAHAMI BAGAIMANA SEBUAH NEGARA BERKENAAN MASIH MENYOKONG PERBUATAN VIETNAM YANG MELANGGAR NEGARA JIRAN UNTUK MENDIRIKAN KERAJAAN.

+INI SATU PERKARA YANG TIDAK BOLEH DITERIMA SELAGI SEBUAH NEGARA KUAT MELANGGAR NEGARA JIRAN UNTUK MENEGAKKAN KERAJAAN+ TAMBAHNYA.

SAYA TIDAK FAHAM NEGARA BERKENAAN SANGGUP MENEGAK BENANG BASAH,+ TEGASNYA KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DARI LONDON SETELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK.

SUNGGUHPUN BELIAU TIDAK MENYEBUT NAMA NEGARA BERKENAAN ADALAH JELAS IA DITUJUKAN KEPADA KERAJAAN INDIA YANG KINI MASIH LAGI MENGIKTIRAF REJIM HENG SAMRIN. -- LAGI 2155/MK

B681

MAHATHIR-KAMPUCHEA 2 KUALA LUMPUR

SEMASA DI NEW YORK, BELIAU TELAH MENEMUI KETUA NEGARA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA, PUTERA NORODOM SIHANOUK, NAIB PRESIDEN, ENCIK KHIEU SAMPHAN DAN PERDANA MENTERI, ENCIK SON SANN.

BELIAU MENDAPATI KERAJAAN CAMPURAN ITU MENDAPAT SOKONGAN BAIK SEMUA PIHAK DARIPADA NEGARA-NEGARA AHLI PBB KECUALI VIETNAM DAN EROPAH TIMUR.

MENGENAI KEGANASAN ISRAEL DI BEIRUT BARAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT MASALAH ITU AKAN BERTERUSAN SELAGI ADA +DASAR-DASAR TERTENTU YANG MENYEBABKAN ISRAEL ANGKUH DAN BERLAGAK SEBAGAI +BULLY.+

+NEGARA YANG MEMBEKALKAN SENJATA KONONNYA UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN ISRAEL PERLU JUGA MENGUTAMAKAN KESELAMATAN NEGARA YANG BERJIRAN DENGAN NEGARA YAHUDI ITU,+ TEGASNYA.

+YANG SAYA KESAL DAN TIDAK FAHAM ADANYA PENDAPAT KONONNYA NEGARA DEMOKRATIK SEPERTI ISRAEL LAYAK UNTUK MEBUNUH ORANG KERANA IA MEN-  
GAMALKAN DEMOKRASI TETAPI JIKALAU NEGARA YANG TIDAK DIKTIRAF SEBAGAI BERDEMOKRATIK WALAUPUN BERBUAT BAIK SEKALIPUN MASIH DIANGGAP JAHAT.--LAGI 1020/HM